



Submission date: 03.02.2025 Accepted date: 10/02/2025 Published date: 01/03/2025

## Peranan Persekutaran Sosial dalam Membentuk Tema Penulisan Mahmood Zuhdi dalam Majalah Pengasuh (*The Role of the Social Environment in Shaping Mahmood Zuhdi's Writing Themes in Pengasuh*)

Ibrahim Majdi Mohamad Kamil\*

Universiti Sains Malaysia

\*Corresponding author: [ibrahimmajdi@usm.my](mailto:ibrahimmajdi@usm.my)

### Abstrak

Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid ialah seorang tokoh fiqh yang dihormati di Malaysia yang memberi sumbangan besar kepada kerajaan dan sektor korporat, selain terkenal dengan gagasan konsep “Fiqh Malaysia”. Sebagai seorang penulis yang prolifik, beliau telah menghasilkan pelbagai karya akademik, termasuk buku dan jurnal. Namun, sebelum menjadi seorang penulis terkenal, beliau memulakan penulisan dalam majalah dan akhbar, dan salah satu platform pertama beliau adalah majalah *Pengasuh*, yang diterbitkan oleh Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Beliau telah menyumbang artikel ke dalam majalah ini sejak tahun 1968 sehingga 2015, menjadikannya salah seorang penulis yang paling lama berkhidmat dalam sejarah majalah tersebut. Penulisan beliau dalam *Pengasuh* banyak dipengaruhi oleh persekitaran sosial awal beliau, khususnya melalui pengaruh keluarga dan sistem pendidikan pada peringkat awal. Artikel-artikel yang beliau tulis mencerminkan idealisme awal beliau yang merangkumi tema-tema fiqh, usul fiqh, dan undang-undang. Sumbangan beliau ini meletakkannya sebaris dengan tokoh-tokoh besar dalam *Pengasuh* yang juga memberi sumbangan dalam bidang yang sama, seperti Ismail Hj. Yusof, Muhammad Che Wok, dan Muhammad Shukri Muhammad. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis mekanisme persekitaran sosial awal Mahmood Zuhdi yang membentuk pemikirannya dalam bidang fiqh dan memberi impak kepada penulisannya dalam

*Pengasuh*, serta mengenal pasti sumbangannya dalam perkembangan pemikiran fiqh di Malaysia.

**Kata Kunci:** persekitaran sosial; penulisan; majalah; *Pengasuh*.

## Abstract

Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid is a highly respected fiqh scholar in Malaysia who has made significant contributions to the government and corporate sectors. He is well known for his concept of “Fiqh Malaysia.” As a prolific writer, he has produced numerous academic works, including books and journal articles. However, before becoming a renowned author, he began his writing journey in magazines and newspapers, with one of his earliest platforms being *Pengasuh*, a magazine published by the Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). He contributed articles to *Pengasuh* from 1968 to 2015, making him one of the longest-serving writers in the magazine’s history. His early social environment significantly influenced his writings in *Pengasuh*, mainly through family influence and the education system during his formative years. His articles reflect his early idealism, covering fiqh, usul fiqh, and law themes. His contributions place him among prominent *Pengasuh* scholars who have contributed to the same fields, such as Ismail Hj. Yusof, Muhammad Che Wok, and Muhammad Shukri Muhammad. This article aims to analyze the mechanisms of Mahmood Zuhdi’s early social environment that shaped his thoughts on fiqh and influenced his writings in *Pengasuh*, as well as to identify his contributions to the development of fiqh thought in Malaysia.

**Keywords:** social environment; writing; magazine; *Pengasuh*.

## Pengenalan

Profesor Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid merupakan seorang tokoh yang tidak asing lagi dalam dunia penulisan di Malaysia, terutamanya melalui sumbangannya dalam majalah *Pengasuh*. Sejak mula menulis untuk majalah ini pada tahun 1968, beliau terus aktif menyumbang karya, bermula ketika beliau berada di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) Nilam Puri, sehingga beliau mencapai kedudukan sebagai Profesor di Universiti Malaya (UM) dan kemudiannya di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Berdasarkan kajian oleh penulis dan Mohamad Kamil pada tahun 2017, artikel pertama beliau yang diterbitkan dalam majalah *Pengasuh* muncul pada tahun 1968, sementara artikel terakhir beliau diterbitkan pada tahun 2015 (Mohamad Kamil & Ibrahim Majdi, 2017).

Ini menunjukkan bahawa Mahmood Zuhdi merupakan salah seorang penulis yang paling lama menyumbang karya dalam sejarah majalah tersebut. Penulisan beliau dalam *Pengasuh* mencerminkan perkembangan pemikiran beliau yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor, terutamanya persekitaran sosial yang membentuk pandangan dan nilai-nilai beliau. Artikel ini akan menganalisis proses sosialisasi yang dijalani oleh Mahmood Zuhdi, khususnya melalui agen sosialisasi utama seperti keluarga dan pendidikan, memberi kesan kepada tema-tema yang beliau angkat dalam penulisannya. Fokus utama kajian ini adalah untuk memahami mekanisme latar belakang keluarga dan sistem pendidikan pada peringkat awal membentuk gaya penulisan serta pendekatan fiqh yang beliau pilih. Melalui analisis ini, diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih mendalam mengenai pengaruh persekitaran sosial terhadap karya-karya beliau dalam *Pengasuh*, serta bagaimana beliau telah memberi impak terhadap perkembangan pemikiran fiqh dan perundangan Islam di Malaysia.

## Dapatan Kajian

### (a) Konsep Persekutaran Sosial

Persekutaran sosial adalah sebuah konsep sosiologi yang merujuk kepada faktor-faktor luar yang mempengaruhi individu dalam membentuk nilai,

pemikiran, dan tingkah laku mereka. Dalam konteks kajian ini, persekitaran sosial akan dianalisis sebagai salah satu faktor penting yang mempengaruhi penulisan Mahmood Zuhdi. Menurut Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf (2012), beberapa faktor utama yang mempengaruhi persekitaran sosial seseorang termasuklah pengaruh ibu bapa, rakan sebaya, sekolah dan guru, serta pengaruh globalisasi dan media massa. Faktor-faktor ini berkait rapat dengan agen sosialisasi yang berperanan dalam membentuk individu, di mana Noran Fauziah Yaakub (1987) membahagikan agen sosialisasi kepada dua kategori utama: agen sosialisasi primer, yang merujuk kepada keluarga dan rakan sebaya, serta agen sosialisasi sekunder, yang merujuk kepada sekolah dan media massa.

Dalam kajian ini, konsep persekitaran sosial akan diterapkan untuk menganalisis bagaimana faktor-faktor tersebut mempengaruhi penulisan Mahmood Zuhdi, dengan tumpuan khas pada pengaruh keluarga dan pendidikan. Ayah beliau, seorang ‘tok guru’ yang dihormati di Kampungnya, memainkan peranan penting dalam proses sosialisasi beliau. Menariknya, agen sosialisasi keluarga dan sekolah Mahmood Zuhdi datang dari individu yang sama, iaitu bapanya yang turut menubuhkan sekolah dan menjadi pendidik utama kepada beliau. Persekitaran pendidikan yang unik ini memberi kesan besar terhadap pemikiran dan nilai yang ditanamkan dalam diri beliau sejak kecil.

Selain itu, kajian ini juga akan meneliti pengaruh rakan sebaya dan institusi pendidikan, khususnya Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), di mana Mahmood Zuhdi mula aktif menghasilkan penulisan yang diterbitkan, termasuk dalam majalah *Pengasuh*. Pengaruh rakan sebaya dan guru di YPTIK memberikan ruang untuk beliau mengasah pemikiran akademik dan penulisannya dalam bidang fiqh serta undang-undang Islam, yang seterusnya membentuk ideologi yang beliau kembangkan dalam karya-karyanya.

### **(b) Latar Belakang Keluarga**

Profesor Emeritus Dato’ Paduka Dr Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid, yang lebih dikenali sebagai ‘Mahmood’ atau ‘Mud’ di kalangan sahabat, serta ‘Tok Mud’ dalam kalangan pelajar, dilahirkan pada 25 Ogos 1945

bersamaan 27 Ramadan 1364 (Mahmood Zuhdi, 2020). Beliau berasal dari Kampung Kayu Rendang, sebuah kampung yang terletak di bawah daerah Peringat, Kelantan, kira-kira 21 kilometer dari Kota Bharu. Kampung Kayu Rendang mendapat namanya daripada sebuah pokok kayu besar yang cukup untuk membayangi lima gantang benih padi, menggambarkan betapa besarnya pokok tersebut dan memberi kesan kepada kehidupan masyarakat setempat.

Menurut Mahmood Zuhdi (2020), moyangnya, Deramat, berasal dari kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan, yang merupakan peneroka pertama di Kayu Rendang dan menetap di sana. Oleh itu, masyarakat di sekitar kawasan ini kebanyakannya adalah sanak saudara beliau. Bapa beliau, Hj. Ab. Majid, merupakan anak kepada Hj. Ibrahim bin Sulaiman dan Siti Hajar binti Awang Besar dari Padang Lembek, Ketereh. Mahmood Zuhdi dilahirkan dalam keluarga yang mempunyai latar belakang agama yang kukuh. Bapanya, Hj. Ab Majid, bukan sahaja seorang guru pondok, tetapi juga seorang tokoh masyarakat yang aktif dalam pelbagai bidang, termasuk menjadi ahli majlis daerah yang dipilih, membuka pelbagai perniagaan dan syarikat, serta terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan. Ibu beliau, Paizah Hj. Ismail, pula seorang suri rumah yang memberikan sokongan penuh dalam membesarkan anak-anaknya.

Mahmood Zuhdi merupakan anak kelima dalam keluarga sebelah bapa, selepas Shukri, Rabi'ah 'Adawiyah, Jamilah, dan Fadhil. Dari sebelah ibu, beliau adalah anak kedua selepas Shamsuddin bin Yunus, dengan adik-adik seibu dan seberapa iaitu Hasnah, Kamil, dan Latifah. Mahmood Zuhdi mengamalkan nilai kesederhanaan dan tidak membezakan adik-beradiknya walaupun terdapat perbezaan ibu dan bapa. Beliau menekankan semangat kekeluargaan yang erat dan saling menghormati antara satu sama lain.

Mahmood Zuhdi berkahwin dengan Paizah Hj. Ismail, yang merupakan anak kepada Dato' Hj. Ismail bin Yusoff, bekas mufti negeri Kelantan dan pengarang majalah *Pengasuh* pada tahun 1964. Kedua-duanya berasal dari keluarga tok guru di Kelantan dan melanjutkan pengajian di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK), sebelum meneruskan pengajian di Universiti al-Azhar, Mesir. Keduanya kemudiannya berkhidmat sebagai Profesor dan Profesor Madya di Universiti Malaya

(UM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Walaupun keduanya merupakan pasangan akademik dalam bidang Syariah yang terkenal, mereka memberi kebebasan kepada anak-anak mereka untuk memilih bidang pengajian mereka sendiri. Anak-anak mereka, Ahmad Naji, Ahmad Shadi, dan Ahmad Wafi, melanjutkan pengajian dalam bidang profesional, dengan Ahmad Naji dan Ahmad Wafi memilih kejuruteraan, manakala Ahmad Shadi dalam bidang perubatan. Semua anak mereka memperoleh pendidikan di luar negara dan berjaya dalam kerjaya masing-masing (Mahmood Zuhdi, 2020).

Bapa Mahmood Zuhdi, Hj. Ab Majid, merupakan salah seorang murid yang berjaya di bawah pengajian Tok Kenali, seorang tokoh agamawan terkemuka di Kelantan. Hj. Ab Majid terus mengembangkan pengajian agama di Kelantan dengan membuka pondok dan sekolah, serta menurunkan ilmu agama kepada anak-anak dan murid-muridnya. Di antara legasi beliau adalah penubuhan Madrasah Majidiah dan surau beliau sendiri di kampung Kayu Rendang, tempat di mana Mahmood Zuhdi dibesarkan. Kehidupan beliau dikelilingi dengan aktiviti keagamaan, termasuk pengajaran agama di pondok dan surau, yang memberi pengaruh besar terhadap perkembangan pemikiran dan penulisan beliau.

### **(c) Pendidikan dan Perkembangan Akademik Mahmood Zuhdi**

Mahmood Zuhdi memulakan perjalanan pendidikannya melalui pengajaran langsung daripada bapanya, Hj. Ab Majid, yang memberikan pendidikan agama secara tidak formal. Sejak berusia kurang dari lima tahun, beliau telah didedahkan dengan ilmu fardu ain seperti solat yang dikenali sebagai kelas usalli. Bapanya juga mengajar beliau membaca Al-Quran secara langsung. Selain itu, bapa Mahmood Zuhdi turut mengajar Al-Quran kepada orang dewasa di kampung Kayu Rendang, menjadikan persekitaran beliau penuh dengan pendidikan agama. Berbeza dengan adik-adiknya yang memasuki sekolah Melayu, Mahmood Zuhdi tidak berpeluang untuk bersekolah di sekolah Melayu pada waktu itu, dan lebih terdedah kepada sistem pendidikan agama yang ditubuhkan oleh keluarganya sendiri.

#### (d) Madrasah Majidiah

Mahmood Zuhdi mendapat pendidikan formal pertama di Madrasah Majidiah, yang diasaskan oleh ayahnya, Hj. Ab Majid. Madrasah ini adalah antara yang terawal di Kelantan dan mempunyai dua sistem pendidikan, iaitu sistem pondok tradisional dan sekolah agama Arab yang lebih sistematik. Sekolah ini merupakan antara empat madrasah utama yang ditubuhkan di Kelantan pada masa itu, bersama dengan Maahad Muhammadi, Maahad Naim Lil Banat, dan Sekolah Wataniah Machang. Madrasah Majidiah juga merupakan pusat pendidikan yang berperanan penting dalam perkembangan pendidikan agama di Kelantan, sebelum ditutup pada tahun 1970-an.

Di Madrasah Majidiah, Mahmood Zuhdi menamatkan pengajian peringkat rendah dan terus mengasah kemahiran dalam bidang agama. Pada usia 13 tahun, beliau dihantar ke Maahad Muhammadi Kota Bharu, walaupun pada awalnya, ayah beliau merancang untuk menghantarnya ke sekolah pondok. Di Maahad Muhammadi, Mahmood Zuhdi menerima pendidikan dari guru-guru yang berwibawa, seperti Tuan Mudir Hj. Ab Rahman al-Makki dan Hj. Muhammad Nor Ibrahim, yang banyak mempengaruhi perkembangan intelektual beliau dalam bidang agama.

#### (e) Pengaruh Pendidikan Sekolah dan Kecenderungan Menulis

Sewaktu di Maahad Muhammadi, selain mengasah bakatnya dalam bidang agama, Mahmood Zuhdi turut didedahkan dengan pelbagai bahan bacaan seperti akhbar *Utusan Melayu* dan *Warta Negara*, serta majalah ilmiah seperti *Mastika*, *Pengasuh*, *Qalam*, dan *Dian*. Bahan-bahan ini memperkaya pengetahuan beliau tentang isu-isu semasa dan perkembangan intelektual di luar negara. Salah satu karya yang beliau minati ialah novel *Di Bawah Lindungan Ka'bah* oleh HAMKA dan tulisan-tulisan HAMKA mengenai *Tasawuf Moden*, serta terjemahan *Falsafah Revolusi* oleh Ustaz Yusuf Zaky Yaakob.

Selain itu, di Maahad Muhammadi, Mahmood Zuhdi mula mengasah bakat dalam syarahan dan perbahasan, serta aktif dalam pertandingan syarahan peringkat kebangsaan. Kehebatannya dalam syarahan membuatkan beliau dikenali di peringkat negeri dan negara. Minat beliau dalam penulisan juga

bermula di sini, apabila beliau mula menulis untuk majalah sekolah, meskipun belum pernah menghantar karya-karya beliau ke akhbar atau majalah luar (Mahmood Zuhdi, 2020).

### **(f) Peringkat Pengajian Tinggi**

Pada tahun 1965, Mahmood Zuhdi menyambung pengajian ke Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) di Nilam Puri, yang merupakan institusi pendidikan tinggi pertama di Kelantan. Di sini, beliau mempelajari Syariah dan Undang-undang Islam selama empat tahun, dan berpeluang berinteraksi dengan rakan-rakan pelajar yang mempunyai latar belakang agama yang kukuh. Pada tahun 1969, beliau menamatkan pengajian dengan memperoleh tempat pertama dalam peperiksaan akhir fakulti Syariah. Bersama beliau, Paizah Ismail (kemudiannya menjadi isterinya) menduduki tempat kedua, dan Ahmad Ali di tempat ketiga (Mahmood Zuhdi et. al, 2011).

Setelah tamat pengajian di YPTIK, Mahmood Zuhdi bersama rakan-rakan ditawarkan untuk melanjutkan pengajian ke Al-Azhar, Mesir, di mana beliau memperoleh ijazah Sarjana dalam bidang Fiqh Perbandingan. Di Mesir juga, beliau menyelesaikan Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah dalam bidang Bahasa Arab di Universiti ‘Ain Syams. Kembali ke Malaysia, beliau berkhidmat di YPTIK sebelum menyambung pengajian ke peringkat doktor falsafah di University of Kent, England, dalam bidang Undang-undang Perbandingan. Walaupun hanya memperoleh Master of Philosophy (M.Phil) disebabkan oleh kelayakan akademiknya yang sedia ada dari Universiti al-Azhar, beliau akhirnya memperoleh ijazah Doktor Falsafah semasa berkhidmat di Akademi Islam, Universiti Malaya.

### **(g) Pencapaian dan Pengiktirafan**

Profesor Emeritus Dato’ Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid dikenali sebagai tokoh yang terkemuka dalam bidang syarahan dan pengajaran. Tidak menghairankan, beliau memulakan kerjaya profesionalnya sebagai pengajar bidang agama setelah menamatkan pengajian di Maahad Muhammadi, Kota Bharu. Pada awalnya, beliau mengajar di Sekolah Kebangsaan Badak, Bachok, Kelantan, di mana beliau bertanggungjawab mendidik pelajar di peringkat darjah dua dan

tiga. Menurut Mahmood Zuhdi, beliau merasakan kepuasan dan kegembiraan dalam syarahan kerana ia adalah minatnya sejak kecil. Walaupun pada waktu itu kerjaya sebagai guru amat dihormati, Mahmood Zuhdi tidak ragu untuk melepaskan jawatannya demi mencapai cita-cita yang lebih besar, iaitu menuntut ilmu di peringkat yang lebih tinggi.

Setelah menyambung pengajian di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) dan Universiti Al-Azhar, Mesir, beliau kembali ke tanah air dan berkhidmat sebagai pensyarah di YPTIK. Apabila YPTIK diserap ke dalam Akademi Islam Universiti Malaya (UM), Mahmood Zuhdi berhijrah ke Petaling Jaya, di mana beliau dilantik sebagai pensyarah dan kemudian menjadi Dekan Fakulti Syariah. Pengalaman dan sumbangan beliau di APIUM amat dihargai, dan dalam masa lima tahun, beliau dinaikkan pangkat sebagai Profesor Madya. Pada tahun 2004, beliau dilantik sebagai Pengarah APIUM, jawatan pertama yang dipegang sejak APIUM ditubuhkan, sebelum bersara sebagai profesor.

Setelah bersara dari Universiti Malaya, beliau meneruskan khidmat bakti di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) selama lapan tahun, menyandang jawatan sebagai Profesor di Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh. Di UIAM, beliau juga pernah dilantik sebagai Dekan Kuliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, serta sebagai Dekan Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC). Pengiktirafan terhadap penguasaan beliau dalam bidang fiqh dan sumbangan akademik yang tidak ternilai, membawa Mahmood Zuhdi menerima gelaran Profesor Emeritus, sebuah penghormatan tertinggi yang diberikan oleh Universiti Malaya.

Di luar dunia akademik, Mahmood Zuhdi terus memberi khidmat nasihat dan menjadi pakar dalam pelbagai bidang. Beliau telah dilantik sebagai Pengurus Jawatankuasa Penasihat Syariah, ahli Lembaga Pengarah unit perbankan Islam, serta terlibat dalam banyak jawatankuasa penting seperti jawatankuasa audit, pengurusan risiko, dan pengurusan gaji dalam sektor perbankan Islam. Mahmood Zuhdi juga diberi kepercayaan oleh Badan Berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk menganggotai badan penasihat mereka.

Selain itu, Mahmood Zuhdi pernah dilantik sebagai Felo di International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), serta terlibat

dalam banyak jawatankuasa dalam bidang kewangan Islam. Antara pengiktirafan yang paling bermakna dalam karier beliau adalah pelantikan sebagai salah seorang ahli Pesuruhjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) selama dua penggal, satu tempoh maksimum yang dapat dijawat oleh seseorang.

Sebagai bukti kepada dedikasinya, beliau turut dilantik dalam pelbagai organisasi seperti Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Pengurus Majlis Dakwah Negara, Pengurus Pertubuhan Pondok Perdana, dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti Islam Malaysia (UIM). Di samping itu, Mahmood Zuhdi juga banyak memberi khidmat dalam memberi nasihat dalam banyak badan kerajaan dan badan pendidikan Islam, termasuk sebagai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan dan Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Kelantan.

## Perbincangan

### (a) Majalah *Pengasuh* sebagai Sebuah Cetusan Penulisan Idealisme

*Pengasuh* adalah sebuah majalah yang dikenali sejak zaman Tok Kenali dan Hj. Muhammad bin Hj. Muhammad Said (Dato' Laksamana). Kedua-duanya terdidik lama di Mekah, malah Hj. Mohamad belajar pula ke Mesir. Di sana, mereka banyak membaca buku-buku serta sangat terpengaruh dengan gerakan pembaharuan yang dibawa oleh Jamaluddin al-Afghani dan muridnya Muhammad Abduh, serta Syed Rashid Ridha (Razak, 1993). Ini diperkuuh dengan kenyataan Abdul Hayei Abdul Sukor (199) yang menulis peranan Tok Kenali dalam gerakan Tajdid Islam di Kelantan. Abdul Hayei Abdul Sukor secara tegas menganggap Tok Kenali sebagai peneraju awal *Pengasuh* iaitu *mujadid* dan *musleh* yang memikul dua tugas utama.

Terdapat dua bidang kerjaya Tok Kenali yang utama, iaitu mengajar dalam halakah dan mendidik generasi pelapis dengan kemahiran membaca teks Arab dan memahami kitab-kitab *turath* dalam pelbagai bidang ilmu dengan sempurna. Bidang kedua ialah mentadbir, menulis, dan menjalankan aktiviti kemasyarakatan yang mencabar berbanding bidang pertama. Inilah yang mewajarkan, kata Abdul Hayei, Tok Kenali diberi gelaran *Shaykh al-Jayl* (mahaguru angkatan).

Kesimpulan awal majalah *Pengasuh* dari peringkat awal dengan nama-nama pengarang besar Tok Kenali, Hj. Muhammad bin Muhammad Said (Dato' Laksamana), Hj. Ahmad Maher, Muhammad Adnan Ariffin, Hassan Hj. Muhammad, Hj. Ismail Yusof, Abdul Ghani Azmi Hj. Idris, Yusuf Zaky Yaacob dan Che Mahmud Mohamad. Majalah *Pengasuh* ingin mengasuh dan mendidik khalayak pembaca supaya sentiasa berada dalam gerakan tajdid. Ia juga menjadi kayu ukur intelektualisme gerakan inteligensia Melayu di Kelantan dari peringkat awal, yang mempunyai sejarah penerbitan persuratan Melayu yang amat membanggakan. *Pengasuh* menggerakkan gerakan pembaharuan dan kesedaran minda masyarakat Melayu negeri Kelantan selepas penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) (Ahmad Faisal Abdul Hamid, 2015).

*Pengasuh* yang sudah mencécah usia 100 tahun. Ia tidak pernah menukar namanya kepada bahasa Arab umpamanya ‘*al-Murabbi*’ atau ‘*al-Mursyid*’ menandakan jati diri pengarang *Pengasuh* dan penerbitnya yang berjiwa Melayu. Majalah *Pengasuh* juga telah menjadi bahan kajian oleh pengkaji-pengkaji yang telah membentangkan idea mereka melalui penerbitan makalah berkenaan majalah *Pengasuh* iaitu terdiri daripada Dr Syed Othman Syed Omar atau lebih dikenali sebagai S Othman Kelantan, Muhammad Uthman el-Muhammady, Abdul Rahman al-Ahmadi, Abdul Razak Mahmud, Ahmad Faisal Abdul Hamid, Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid, Abdullah Tahir, Nik Safiah Abdul Karim dan beberapa kajian Sarjana dan Doktor Falsafah di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan institusi pengajian tinggi yang lain (Ahmad Faisal Abdul Hamid, 2015).

Nik Safiah Abdul Karim (2012) merumuskan dunia persuratan di Kelantan termasuk majalah *Pengasuh* datang bersama-sama pengajian ilmu yang mantap dan mendalam. Ia mencakupi bidang pengajian agama serta bidang sekular dan turut memainkan peranan memberi ruang kepada mereka yang berminat untuk menceburi bidang penulisan. Negeri Kelantan mewujudkan suasana yang menggalakkan para penulis menghasilkan karya mereka baik yang bersifat keagamaan, kemasyarakatan mahupun kreatif.

Dalam konteks ini MAIK memberi sumbangan besar melahirkan kegiatan menulis baik tulisan kreatif maupun bukan kreatif seperti tertongolnya Tok Kenali, yang merupakan tokoh yang dihormati dan tersohor. MAIK juga menyediakan kemudahan percetakan sehingga diterbitkan majalah *Pengasuh*. Menurut Nik Safiah Abdul Karim (2012) lagi, majalah ini telah menjadi satu saluran penting tentang pelbagai jenis berita dan ilmu pengetahuan. *Pengasuh* menjadi wadah bagi penyiaran karya-karya kreatif seperti cerpen dan sajak. Majalah ini menjadikan masyarakat Kelantan lebih berkenalan dengan dunia persuratan yang menjadi saluran untuk mereka berkarya.

Kenyataan ini disokong oleh Abdullah Tahir (1985) yang menyifatkan *Pengasuh* memainkan peranan dalam menyumbangkan hasil-hasil karya bukan sahaja yang bercorak agama, tetapi juga bidang Sastera di mana Tok Kenali pernah menghasilkan cerpen. Abdullah al-Qari Hj. Salleh telah mengumpul 22 cerpen Tok Kenali. Cerpen-cerpen Tok Kenali yang dibahagikan kepada membincangkan lima bahagian. Pertama, soal kepentingan ilmu pengetahuan. Kedua, tentang manusia dengan kecerdikannya. Ketiga, permasalahan berlegar mengenai adat istiadat. Keempat, persoalan cintakan tanah air, dan kelima, tentang manusia yang ingin lari dari kematian.

Daripadauraian awal menunjukkan *Pengasuh* pada masa lampau menjadi medan para tokoh agama dan bangsa mengajak manusia Melayu Muslim di Kelantan dan di luar Kelantan mengisi kemajuan bangsa dengan ilmu, agama, dan budaya untuk maju setanding dengan Bangsa-Bangsa lain seperti digambarkan dalam seruan Tok Kenali dalam terbitan *Pengasuh* bilangan 5, bertarikh 7 September 1918. Katanya:

*“Ayyuhai ahli semenanjung Tanah Melayu, marilah kita mufakat menjadi satu kalimah supaya mudah kita buat kerja, tolong menolong, dan tiada berhajat kita pada seumpama doktor Sun Yak Sen Melayu yang menyerukan kita pada iktifaq dan berjinak-berjinak kerana saya lihat tiada ada boleh jadi doktor Sun Yak Sen dalam Tanah Melayu kita ini. Nampkanya dalam fikir saya, orang yang ingin jadi seperti doktor itu, berhajat kepada ilmu dan harta. Maka, kedua sifat ini hendak berhimpun pada satu orang pada masa kita ini sangatlah payahnya. Setengahnya ada ilmu, tiada harta, setengahnya ada harta tiada ilmu.”*

Majalah *Pengasuh* berjaya dapat bertahan sehingga lebih dari 100 tahun seperti disebut oleh Ahmad Faisal Abdul Hamid menunjukkan betapa tingginya komitmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) selaku penerbit tunggal yang membiayai kos penerbitan tanpa mementingkan keuntungan material. Tanpa ada pengorbanan material daripada penerbit, sudah tentu ia menghadapi nasib yang sama seperti majalah-majalah lain yang sezaman dengannya. Keunggulan majalah *Pengasuh* berkait rapat juga dengan kesanggupan mempertahankan isi kandungannya yang berat dan berupa pembentangan mesej Islam yang serius. Ia juga hasil komitmen menampung berbagai gagasan pemikiran besar para pengarang dan penulisnya.

Cakupan perbincangan majalah *Pengasuh* selama ini yang menyentuh bidang agama, pengetahuan Am, sejarah, hukum hakam, ketatanegaraan, politik global dan tempatan, ekonomi, sastera, dan isu semasa, malah biografi ‘Ulama juga. Mahmood Zuhdi merupakan penulis *Pengasuh* sezaman bersama-sama penulis hebat yang lain termasuk Drs. Abdul Ghani Azmi, Dr Abdul Hayei Abdul Sukor, Mohamad Kamil Hj. Ab Majid, Muhammad Uthman El Muhammady, dan Ahmad Labib (Mohamad Kamil & Ibrahim Majdi, 2018).

### **(b) Majalah *Pengasuh* dan Penglibatan Mahmood Zuhdi**

Sejak di zaman remaja, Mahmood Zuhdi telah mengambil kesempatan untuk menyumbangkan idea dan tulisan beliau dalam majalah *Pengasuh*. Penglibatan beliau dalam majalah ini bukan sahaja untuk menyampaikan pemikiran ilmiah, tetapi juga untuk merangsang minda generasi muda agar lebih memahami konsep-konsep fiqh, syariah, serta isu-isu semasa dalam perspektif Islam. Melalui *Pengasuh*, beliau berjaya mengembangkan gaya penulisan yang bersifat kritikal dan memberi kesan kepada pembaca untuk merenung kembali peranan mereka dalam masyarakat.

*Pengasuh* bukan sahaja menjadi medium bagi Mahmood Zuhdi untuk menyebarkan ilmu, tetapi juga menjadi tempat untuknya berinteraksi dengan intelektual lain yang turut menyumbang dalam pengembangan pemikiran Islam dan masyarakat Melayu. Artikel-artikel beliau yang ditulis dengan penuh rasa tanggungjawab, serta berpandukan prinsip-prinsip agama, turut memberikan impak besar dalam perkembangan

pendidikan dan keilmuan di Kelantan, khususnya dalam bidang fiqh dan syariah.

Dengan penekanan kepada pengembangan idealisme dan pemikiran yang progresif, majalah *Pengasuh*, bersama dengan tokoh-tokoh seperti Mahmood Zuhdi, berjaya membentuk suasana intelektual yang subur di kalangan masyarakat Melayu, terutamanya di Kelantan. *Pengasuh* bukan hanya sebuah majalah, tetapi sebuah cetusan yang terus berkembang menjadi simbol perjuangan ilmu dan pembaharuan di tanah Melayu.

### **(c) Sumbangan Besar Mahmood Zuhdi dalam Majalah *Pengasuh***

Sumbangan penulisan Mahmood Zuhdi kepada majalah *Pengasuh* yang paling utama adalah berfokus tentang isu-isu fiqh semasa. Mahmood Zuhdi juga pernah berkongsi siri terjemahan dua buah buku. Pertama, adalah penulisan terjemahan karya Ali Abdul Wahid Wafiy, *Dasar Persamaan dalam Islam*, dan kedua adalah terjemahan buku *Shariah Islam dan Perbandingannya dengan Undang-undang Antarabangsa* karya Ali Ali Mansor. Artikel pertama penulisan Mahmood Zuhdi yang menjadi permulaan sumbangan beliau dalam *Pengasuh* adalah pada tahun 1968 bil. 363:7, dengan menterjemahkan dua buku yang disebutkan di atas. Selain itu, antara artikel beliau yang menarik adalah berkaitan bidang pemikiran. Mahmood Zuhdi berkongsi berkenaan bidang pemikiran *usul al-fiqh* (1995, bil. 538:10) (Mohamad Kamil & Ibrahim Majdi, 2018).

Mahmood Zuhdi turut menulis secara bersiri artikel bertajuk *Kaedah Penyelidikan Hukum Islam* (bil. 509:27, bil 510:19, bil. 511:43, bil. 512:34, dan bil. 514:24). Pada tahun 2001, beliau terus menyumbang artikel untuk *Pengasuh* dengan artikel *Halangan-halangan Intelektual dalam Undang-undang Islam* (bil. 569:60). Antara artikel beliau yang cukup kritis yang asalnya merupakan ucaptama program wacana majalah *Pengasuh* (2015, bil. 641:21) telah mempersoalkan hala tuju majalah *Pengasuh* yang kabur, tulisan jawi yang lusuh, dan para pendukung yang lesu. Teguran beliau ini dilihat sedikit sebanyak memberi sokongan tambahan kepada pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh pihak Sidang Redaksi Majalah *Pengasuh* dari akhir tahun 2013 lagi (Mohamad Kamil & Ibrahim Majdi, 2018).

Antara lain-lain penulisan Mahmood Zuhdi termasuklah artikel *Hukum Taklifi: Sunat dan Haram* (*Pengasuh*, 1991, bil. 514:24), artikel bertajuk *Kedudukan al-Quran Sebagai Hujah atau Sandaran Hukum* (*Pengasuh*, 1994, bil 533:15), artikel bertajuk *Pendalilan al-Quran terhadap Hukum* (*Pengasuh*, 1994, bil. 535:18), artikel bertajuk *Kedaulatan dan Kewibawaan Hukum Islam* (*Pengasuh*, 1992, bil. 521:42), dan artikel bertajuk *Gangguan-gangguan terhadap Kapasiti: Gangguan Alam* (*Pengasuh*, 1993, bil 525:34).

Sumbangan Mahmood Zuhdi dalam penulisan majalah *Pengasuh* terutamanya dalam tema fiqh dan perundangan Islam meletakkan Mahmood Zuhdi sebaris dengan penulis-penulis terdahulu dan penulis semasa yang banyak menyumbang dalam bidang fiqh dan perundangan Islam dalam majalah *Pengasuh*. Antara tulisan lain dalam bidang ini termasuk tulisan-tulisan mengenai ibadat muamalat kekeluargaan oleh Hj. Ismail Yusof, Muhammad bin Che Wok menyumbangkan artikel yang berkaitan dengan al-Maslalah dan Dato' Muhammad Shukri Muhammad yang juga penasihat majalah *Pengasuh* pada ketika itu turut menyumbangkan artikel yang bertajuk *Sejarah, Falsafah, dan Beberapa Perspektif Hukum Syarak Terhadap Persoalan Dinar Emas Semasa* (*Pengasuh*, 2008, bil. 606:19-24, dan bil. 607:12-17).

## Kesimpulan

Artikel ini telah membincangkan secara ringkas latar belakang salah seorang tokoh fiqh terkemuka di Malaysia, Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid, khususnya dalam bidang penulisan separa ilmiah. Pemergiannya merupakan satu kehilangan besar bagi dunia Islam, terutamanya di Malaysia. Sumbangannya yang tidak ternilai dalam memperjuangkan bidang fiqh dan kewangan Islam amat jelas. Beliau bukan hanya seorang ahli akademik, tetapi juga seorang tokoh fiqh, pakar kewangan Islam, dan penulis yang berjaya. Idea-idea dan pandangan beliau terus berkembang dan kekal relevan sehingga kini.

Di penghujung hayat beliau, Mahmood Zuhdi lebih memfokuskan kepada kerja-kerja kemasyarakatan. Penglibatan beliau selama hampir 50 tahun dalam menyumbang karya kepada majalah *Pengasuh* menjadikannya salah seorang penulis yang paling lama berkhidmat untuk majalah tersebut,

malah beliau pernah dilantik sebagai penulis kehormat majalah itu untuk beberapa tahun. Selain itu, beliau juga merupakan salah seorang bekas Ahli Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) yang dipengerusikan oleh Mufti Kelantan, serta pengasas dan pengurus Majlis Dakwah Negara (MDN).

Sumbangan besar beliau ini telah meninggalkan legasi yang mendalam dalam bidang fiqh, kewangan Islam, dan dakwah. Artikel ini diharapkan dapat memberi penghormatan kepada tokoh yang telah banyak berjasa, sambil memberi kesedaran kepada generasi baharu tentang pentingnya meneladani perjuangan dan pemikiran beliau agar manfaat daripada sumbangan beliau terus menginspirasi dan memberi pedoman kepada generasi masa hadapan.

## Rujukan

- Abdullah Tahir (1985). Kemunculan dan kegiatan penulis-penulis kreatif sebelum perang hingga kini. Dalam *Kelantan dalam perspektif sosio-budaya: Satu kumpulan esei* (pp. 4–5).
- Abdul Hayei Abdul Sukor (1998). Peranan Tok Kenali dalam gerakan tajdid Islam di Kelantan. *Pengasuh*, (551), 44–45.
- Abdul Razak Mahmud (1993). *Pengasuh*, (528), 33–34.
- Ahmad Faisal Abdul Hamid (2015). *Pengasuh*, (641), 5.
- Mahmood Zuhdi (1968). *Pengasuh*, (363). Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- Mahmood Zuhdi (1991a). *Pengasuh*, (509). Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- Mahmood Zuhdi (1991b). *Pengasuh*, (510). Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- Mahmood Zuhdi (1991c). *Pengasuh*, (511). Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

- Mahmood Zuhdi (1991d). *Pengasuh*, (512). Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- Mahmood Zuhdi (1991e). *Pengasuh*, (514). Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- Mahmood Zuhdi (1992). *Pengasuh*, (521). Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- Mahmood Zuhdi (1993). *Pengasuh*, (525). Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- Mahmood Zuhdi (1994a). *Pengasuh*, (533). Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- Mahmood Zuhdi (1994b). *Pengasuh*, (535). Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- Mahmood Zuhdi (1995). *Pengasuh*, (538). Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- Mahmood Zuhdi (2008a). *Pengasuh*, (606). Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- Mahmood Zuhdi (2008b). *Pengasuh*, (607). Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- Mahmood Zuhdi (2015). *Pengasuh*, (641). Majlis Agama dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).
- Mahmood Zuhdi (2020). *Mencari identiti: Budak Surau*. Ilham Books.
- Mahmood Zuhdi, Ahmad Baei Jaafar & Siti Alawiyah Mohd Zainal (Eds.) (2011). *Nilam Puri: Antara persepsi dan pencapaian*. Ilham Books.

Mohamad Kamil & Ibrahim Majdi (2018). Dalam Hashri Junoh (Ed.), *100 tahun Majalah Pengasuh*. Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Nik Safiah Abdul Karim (2012). Peranan MAIK dalam kemajuan bahasa dan persuratan di negeri Kelantan. Dalam *Puri Kencana* (pp. 692–694). MAIK.

Noran Fauziah Yaakub (1987). *Pengantar sosiologi*. Fajar Bakti.

Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari, Special Issue*, 155–172.